

**SURAT AKU JANJI DAN INDEMNITI
ORANG DI BAWAH PENGAWASAN
(PERSON UNDER SURVEILLANCE)
(WARGANEGARA)**

Kepada:

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
(mewakili Kerajaan Malaysia)
No. 2, Menara 1, Jalan P 5/6
Presint 5,
62200 Putrajaya.

Saya,

[nama Person Under Surveillance]

***No. Kad Pengenalan :.....**

beralamat di :.....

(kemudian daripada ini disebut sebagai “Person Under Surveillance”) dengan ini sesungguhnya berjanji bahawa saya [termasuk **anak / orang di bawah jagaan saya (seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**)] akan mematuhi Perintah Pemerhatian dan Pengawasan Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh saya menginap di Hotel yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi tempoh bermula pada 2020 hingga2020 (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan”).

2. Dalam hal ini, saya mengambil maklum bahawa sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan, kadar maksima bagi caj penginapan yang dibayar kepada Hotel adalah sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh (RM150.00) sahaja setiap hari termasuk makan dan minum sebanyak tiga (3) kali yang mana:

- (a) saya bertanggungjawab untuk membayar Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel kadar maksima Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75.00) sahaja (termasuk caj perkhidmatan Premis Hotel sebanyak 10%) setiap hari, iaitu bersamaan dengan lima puluh peratus (50%) daripada caj penginapan; dan
- (b) Kerajaan akan membayar Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel kadar maksima Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75.00) sahaja (termasuk caj perkhidmatan Premis Hotel sebanyak 10%) setiap hari, iaitu baki lima puluh peratus (50%) daripada caj penginapan.

3. Saya sesungguhnya beraku janji akan membayar dan menanggung sepenuhnya perbelanjaan berhubung dengan–

- (a) perenggan 2(a), jumlah caj penginapan sehingga empat belas (14) hari sebagaimana yang diinvoiskan kepada saya, terus kepada Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel melalui cara yang ditetapkan oleh Hotel semasa pendaftaran masuk ke Hotel;
- (b) apa-apa perbelanjaan lain yang ditanggung oleh saya [termasuk **anak / orang di bawah jagaan saya] bagi menggunakan perkhidmatan pihak Hotel seperti tempahan makanan tambahan, perkhidmatan dobi, dan lain-lain perkhidmatan yang diberi oleh pihak Hotel atau pihak ketiga melalui cara yang ditetapkan oleh Hotel semasa proses pendaftaran keluar dari Hotel apabila dibenarkan oleh Kerajaan untuk meninggalkan Premis Hotel tersebut; dan
- (c) apa-apa kerosakan kepada bilik penginapan atau harta-harta Hotel yang telah digunakan atau disebabkan oleh saya [**termasuk anak dan orang di bawah jagaan saya] melalui cara yang ditetapkan oleh Hotel semasa proses pendaftaran keluar dari Hotel apabila dibenarkan oleh Kerajaan untuk meninggalkan premis Hotel tersebut.

4. Sekiranya saya tidak dapat melunaskan perbelanjaan yang dinyatakan di dalam perenggan 3, waris atau wakil saya, seperti mana yang dinamakan dalam perenggan 8 di bawah, telah bersetuju untuk melunaskan perbelanjaan tersebut bagi pihak saya apabila dipohon oleh Hotel.

5. Saya seterusnya mengambil maklum bahawa:

- (a) pihak Hotel berhak untuk memungut bayaran deposit daripada saya bagi maksud penginapan saya dalam Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan semasa pendaftaran masuk ke Hotel; dan
- (d) saya dihendaki untuk mematuhi arahan Kerajaan sepanjang saya dalam Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan.

6. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan membuat pembayaran kepada Pihak Hotel akan menyebabkan saya boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh Pihak Hotel.

7. Saya juga akan menanggung rugi Kerajaan, pekerjanya dan ejennya daripada dan terhadap segala tindakan, prosiding, kehilangan, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos undang-undang), caj dan perbelanjaan akibat kehilangan, atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuaihan atau ketidakjujuran saya

terhadap pihak Hotel [**termasuk anak dan orang di bawah jagaan saya] sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan.

8. Sekiranya terdapat keperluan untuk menghubungi waris atau wakil saya sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan, butiran waris atau wakil saya adalah seperti mana yang dinyatakan di bawah:

Nama waris / wakil :

No. K/P:

Alamat:

No. Telefon bimbit:

Ditandatangani oleh:

Nama:

No. K/P:

Alamat :

No. Telefon bimbit:

Tarikh :

Disaksikan oleh:

Bagi Pihak Kerajaan

****Nama :.....

No. K/P :.....

Jawatan :.....

Tarikh :.....

Nota:

* masukkan No. K/P untuk warganegara

** jika anak berumur 18 tahun ke atas hendaklah menandatangani surat aku janji yang berlainan. Isteri / suami dan ibu / bapa juga perlu menandatangani surat aku janji berlainan

*** perlu masukkan nama Hotel

**** masukkan nama, no. K/P, jawatan saksi.

s.k.:

Pihak Pengurusan
(Nama & Alamat Hotel)**

.....

.....

.....

.....

**Diisi setelah saringan kesihatan dibuat ke atas PUS di lapangan terbang.

LAMPIRAN A

SENARAI ANAK / ORANG DI BAWAH JAGAAN PERSON UNDER SURVEILLANCE

Saya,

[nama Person Under Surveillance]

*No. Kad Pengenalan.....

beralamat di

(kemudian daripada ini disebut sebagai “*Person Under Surveillance*”) dengan ini sesungguhnya mengesahkan bahawa orang-orang yang dinamakan di bawah merupakan anak / orang di bawah jagaan saya.

Ditandatangani oleh:

Nama:

No. K/P:

Alamat :

No. Telefon bimbit: